

# Bebas sebelum Tahun Baharu Cina

Sinar Harian 26/1/2018 ms 8

NOR AZURA MD AMIN

**PONTIAN** - Enam nelayan kita dalam tahanan di Indonesia kerana mencero boh perairan negara itu dijangka dibebaskan sebelum Tahun Baharu Cina.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, persetujuan bagi membebaskan enam nelayan berkenaan dicapai Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Presiden Indonesia, Joko Widodo semasa Rundingan Tahunan ke-12 Malaysia dan Indonesia pada November lepas.

Menurutnya, beliau juga sudah bertemu Menteri Kelautan dan Perikanan Indonesia, Susi Pudjiastuti pada 11 Januari lalu dan pihak Indonesia memberi jaminan nelayan Malaysia yang ditahan akan dibebaskan.

Enam nelayan tersebut ialah Chia Kee Chan, 52 (Sekinchan, Selangor), Kamarulzaman Awi, 47 (Dungun, Terengganu), Abdul Rashid Nik, 53 (Kuantan, Pahang), Mahabob Hasimat, 55 (Pontian, Johor), Low Siong Huat (Pulau Ketam, Selangor) dan Leong Bian Seng, 61 (Dungun, Terengganu).

Ahmad Shabery berkata, lokasi tahanan ke enam-enam nelayan tersebut juga sudah dikenal pasti iaitu di Penjara Medan, Pengkalan Penguatkuasa Laut Indonesia di Lanal Terempa Riau,



Ahmad Shabery (tengah) bertanya khabar anak sulung Mahabob, Nasarudin (kanan) sewaktu melawat keluarga berkenaan di Kampung Pulau Sebatang, semalam.

Penjara Tanjung Pinang dan Penjara Batam Indonesia.

"Kedua-dua pemimpin memberi jaminan nelayan akan dibebaskan dalam masa terdekat dijangka pada akhir

bulan ini atau selewatnya bulan depan.

"Tetapi biarlah mereka pulang sebelum Tahun Baharu Cina supaya dapat berkumpul dengan keluarga meraikan

perayaan itu," katanya selepas mengadakan lawatan dan menyampaikan sumbangan kepada keluarga nelayan, Mahabob Hasimat, 54, di Kampung Pulau Sebatang,

semalam.

Bagaimanapun, katanya, urusan pembebasan nelayan berkenaan bukan perkara mudah kerana ia perlu dilakukan mengikut prosedur undang-undang.

"Semuanya perlu mengikut prosedur ditetapkan terutama dari segi perundangan. Negara kita ada undang-undang begitu juga dengan Indonesia.

"Segala kos perbelanjaan bagi proses pembebasan, dokumentasi perjalanan ke enam-enam nelayan tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)," katanya.

Sebelum ini, Mahabob ditahan di Penjara Tanjung Pinang Indonesia selepas bot pukat tundanya ditangkap pihak berkuasa negara terbabit di Beting 4 Perairan Malaysia-Indonesia pada 11 Julai lalu.



● **Persetujuan Malaysia-Indonesia**

● **Prosedur pembebasan bukan mudah trafik**